A total of 6,426 compounds were issued in 2005 against premises and companies for various offences under EQA 1974. Out of this total, 4,878 (76%) were offences under the Environmental Quality (Control of Emission from Diesel Engine) Regulations 1996, 415 (7%) were offences under Section 29A of EQA 1974, 524 (8%) were offences under the Environmental Quality (Clean Air) Regulations 1978, 389 (6%) were offences under the Environmental Quality (Schedules Wastes) Regulations 1989 and 220 (3%) were offences under Environmental Quality (Control of Emission from Petrol Engine) Regulations 1996 (Figure 4.20, Figure 4.21 and Figure 4.22).

Maklumbalas Terhadap Pengaduan Awam

Pada tahun 2005, sejumlah 4,628 aduan pencemaran alam sekitar telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar (Rajah 4.23). Daripada jumlah keseluruhan aduan, sebanyak 3,469 kes aduan (75%) telah disiasat dan

Response To Public Complaints

The Department of Environment received 4,628 environmental complaints in 2005 (Figure 4.23). Out of this total number, 3,469 cases (75%) were dealt with by the State DOE Offices and the other

tindakan telah diambil di bawah peruntukan AKAS 1974 dan peraturan-peraturan yang berkaitan telah diambil oleh pejabat JAS Negeri. Sementara 1,159 kes aduan (25%) adalah di luar bidang kuasa JAS dan telah dirujuk kepada agensi lain yang berkaitan untuk diambil tindakan.

1,159 cases (25%) which were outside the jurisdiction of DOE, were referred to other relevant agencies.

Selangor menerima aduan yang tertinggi iaitu sebanyak 1241 (27%) kes, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 507 (8%) kes dan Perak sebanyak 325 (5%) kes. Wilayah Persekutuan Labuan menerima aduan yang paling sedikit iaitu sebanyak 28 (0.4%) kes dan diikuti dengan Perlis iaitu sebanyak 42 (0.7%) kes (Rajah 4.24).

Selangor recorded the highest number of complaints 1,241 (27%), followed by the Federal Territory of Kuala Lumpur 507 (8%) and Perak recorded 325 (5%). The Federal Territory of Labuan recorded the least number of complaints 28 (0.4%) and Perlis 42 (0.7%) (Figure 4.24).

Seperti tahun-tahun sebelumnya, bilangan aduan pencemaran yang tertinggi adalah berkaitan pencemaran udara sebanyak 3,513 (76%) kes, sebanyak 452 (10%) kes berkaitan pencemaran air, sebanyak 128 (3%) kes berkaitan pencemaran bunyi, sebanyak 90 (2%) kes berkaitan pelupusan haram buangan terjadual dan sebanyak 445 (10%) kes lain-lain aduan (Rajah 4.25).

As in previous years, most of the complaints pertained to air pollution totalling 3,513 (76%), followed by water pollution, 452 (10%), noise pollution, 128 (3%), illegal dumping of scheduled or toxic wastes, 90 (2%) and others 445 (10%) (Figure 4.25).

Gambarfoto 4.23 JAS: Maklum balas Terhadap Aduan Awam
Photo 4.23 DOE: Response to Public Complaints



Rajah 4.18 JAS: Bilangan Kes Mahkamah, 1995-2005
Figure 4.18 DOE: Number of Court Cases, 1995-2005



Rajah 4.19 JAS: Bilangan Kes Mahkamah dan Jumlah Denda,2005
Figure 4.19 DOE: Number of Court Cases and Total Fines, 2005



Rajah 4.20 JAS: Bilangan Kompaun Yang Dikeluarkan oleh JAS, 2005
Figure 4.20 DOE: Number of Compounds Issued by DOE, 2005



Rajah 4.21 JAS: Kompaun di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 dan Seksyen AKAS 1974, 2005
Figure 4.21 DOE: Compounds under Environmental Quality (Clean Air) Regulations 1978 and Section 29A EQA 1974, 2005



Rajah 4.22 JAS: Kompaun di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1978, 2005
Figure 4.22 DOE: Compounds under Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 1978, 2005



Rajah 4.23 JAS: Kes Aduan Pencemaran yang Diterima, 1995 - 2005
Figure 4.23 DOE: Environmental Complaints Received, 1995 - 2005



Rajah 4.24 JAS: Bilangan dan Jenis Aduan Pencemaran Mengikut Negeri, 2005

Figure 4.24 DOE: Number and Type of Environmental Complaints by State, 2005



Rajah 4.25 JAS: Jenis Aduan Pencemaran, 2005
Figure 4.25 DOE: Type of Complaints, 2005

Gambarfoto 4.24 JAS: Pengawasan Pencemaran dari Udara bersama Unit Udara Polis
Photo 4.24 DOE: Aerial Pollution Monitoring with Police Air Unit

Bab 5

Jabatan Alam Sekitar Department of Environment

Laporan Tahunan 2005 Annual Report

Chapter 5

Promosi Kesedaran Dan Pendidikan Alam Sekitar
Promotion Of Enviromental Education And Awareness

Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar

Program ini merupakan program usahasama di antara Jabatan Alam Sekitar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama teknikal dari Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM. Program ini bertujuan untuk membantu sekolah memperkukuhkan program-program pendidikan alam sekitar yang sedia ada. Melalui program ini, elemen pendidikan alam sekitar dapat diterapkan pada kalangan guru dan pelajar secara langsung dan komuniti setempat secara tidak langsung dengan mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni alam sekitar dalam empat komponen iaitu *Pengurusan, Kurikulum, Kokurikulum dan Penghijauan*.

Program ini telah dilancarkan dengan rasminya pada 27 Januari 2005 bertempat di Sekolah Menengah Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi, Selangor oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Y.B. Dato Sri Adenan Hj. Satem dan Menteri Pelajaran Y.B. Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein.

Bagi tujuan mempromosikan program ini, dua dokumen utama iaitu buku Asas Pembentukan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar dan Garispanduan Pelaksanaan dan Penilaian Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar serta risalah ringkas dan poster telah diterbitkan dan diedarkan ke semua Jabatan Alam Sekitar Negeri dan Jabatan Pelajaran Negeri. Maklumat mengenai program ini juga boleh diakses melalui laman web Jabatan iaitu www.doe.gov.my.

Sustainable School-Environment Award

The Sekolah Lestari Programme, a collaborative enviromental awarenes programme between the Department of Environment and the Ministry of Education Malaysia with technical support from the Institute of Environment and Development (LESTARI) of Universiti Kebangsaan Malaysia is designed to facilitate and strengthen existing environmental education programmes in schools. Through this initiative the fundamental elements of environmental education can be incorporated directly by teachers and students, and indirectly by local communities through the integration of knowledge, skills and environmental values under the four key components of *Management, Curriculum, Co-Curriculum, and Greening*.

This programme was launched by the Honourable Minister of Natural Resources and Environment, Y.B. Dato Sri Adenan Hj. Satem and the Honourable Minister of Education, Y.B. Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein at Sekolah Menengah Jalan Tiga, Bandar Baru Bangi, Selangor on 27 January 2005.

For the promotion and facilitation of participation, two guiding documents had been published : *'Basis for Sekolah Lestari–An Environment Award'* and *'Implementation and Evaluation Guidelines for Sekolah Lestari-An Environmental Award'*. Brochures and posters were also produced and distributed to all State Departments of Environment and State Education Departments. Information can also be access through the DOE website : www.doe.gov.my.

Kursus Penilaian Pensijilan Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar telah diadakan pada 18-20 April 2005 di Seremban, Negeri Sembilan. Kursus tersebut telah dirasmikan oleh En. Salleh Mohd Hussin, Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penyelaras Program Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar. Seramai 70 peserta terdiri daripada Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah menyertainya. Kursus ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mengenai pelaksanaan program ini dan prosedur penilaian. Kumpulan perintis ini akan bertindak sebagai resource person atau fasilitator bagi program ini di sekolah dan organisasi masing-masing.

A Sekolah Lestari Certification & Evaluation Course was conducted on 18-20 April 2005 in Seremban, Negeri Sembilan which was officiated by Mr. Salleh Mohd Hussin, Director of Schools Division of the Ministry of Education as Co-Chairman of the Coordinating Committee for the Sekolah Lestari Programme. Seventy representatives from the Department of Environment, State Education Department, the Ministry of Education, the private sector and non-governmental organisations (NGO) participated in the course. The course was specifically designed to enhance understanding of the implementation and procedures of evaluation. This pioneer group would then serve as resource persons and facilitators at their respective schools and organizations.

Projek Wira Alam

Projek Wira Alam yang telah dilancarkan pada 5 Jun 1998 adalah program JAS dengan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Projek ini di dibahagikan kepada tiga tahap iaitu Tahap 1 Wira Diri, Tahap 2 Wira Komuniti dan Tahap 3 Wira Alam. Setiap pelajar perlu menyelesaikan tugasan yang ditetapkan di dalam buku aktiviti Projek Wira Alam setiap tahap sebelum ke peringkat seterusnya.

Sejak dilancarkan sehingga tahun 2005, seramai 10,440 pelajar telah menyertai tahap 1 Wira Diri; sejumlah 1,195 pelajar menyertai tahap 2 Wira Komuniti; dan 280 pelajar di tahap 3 Wira Alam.

JAS juga telah mengadakan bengkel, ceramah dan pameran Projek Wira Alam ke Maktab Perguruan dan sekolah sekitar Lembah Klang bertujuan untuk para guru memahami serta menambah pengetahuan dan kapasiti tentang aktiviti alam sekitar terutamanya berkaitan tugasan dalam Projek Wira Alam di sekolah :

Wira Alam Project

The Wira Alam Project which started on 5 June 1998 is a collaborative project between DOE, the Malaysian Nature Society (MNS) and the Ministry of Education. The project is divided into three stages; Level 1 (Wira Diri), Level 2 (Wira Komuniti) and Level 3 (Wira Alam). Each participating student has to complete the tasks provided in the Activity Book at each level before advancing to the next level.

Up till the end of 2005, a total of 10,440 students had participated at Level 1 (Wira Diri); 1,195 students at Level 2 (Wira Komuniti); and 280 students had reached Level 3 (Wira Alam).

In 2005, DOE conducted workshops, talks and exhibitions on the Wira Alam Project at Teachers' Training Colleges and schools in the Klang Valley to provide information to trainee teachers and increase their knowledge and capacity to conduct environmental activities in schools as provided for under the Wira Alam Project :

Nama Maktab *Name of College*	Tarikh *Date*	Bil. Pelatih *Number of Participants*
Maktab Perguruan Islam, Bangi *Bangi Islamic Teachers' College*	17 Mei 2005 *17 May 2005*	100
Sekolah Menengah Jalan Bukit, Kajang *Jalan Bukit Secondary School, Kajang*	26 & 27 April 2005 *26 & 27 April 2005*	500

Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS)

Pada tahun 2005, sejumlah 47 KeKAS yang telah dilaksanakan oleh JAS Negeri di seluruh Malaysia dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Jabatan Pelajaran Negeri. Daripada 47 KeKAS yang dijalankan, tiga kem telah dianjurkan khusus kepada guru-guru yang terlibat dengan KeKAS iaitu seramai 145 orang. Manakala 44 kem lagi diadakan untuk 2591 pelajar dari sekolah-sekolah seluruh negara. Modul yang digunapakai terdiri dari modul Ekosistem Marin, Hutan, Tanah Tinggi, Pertanian Organik, Urbanisasi dan Perladangan Kelapa Sawit.

Environmental Awareness Camp (KeKAS)

In 2005, a total of 47 KeKAS were conducted throughout Malaysia by the State DOE with the cooperation of the State Education Departments. Of the 47 camps conducted, three camps were organised specially for 145 teachers to qualify them as facilitators in their respective schools. The other 44 camps were attended by 2591 students from schools throughout the country. The modules implemented were based on the Marine, Forest, Highland, Organic Farming, Urbanisation and Oil Palm Plantation Ecosystems.

Pertandingan Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Pertandingan ini adalah anjuran Jabatan Alam Sekitar bersama dengan Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM), Dewan Bahasa dan Pustaka, dan Kementerian Pelajaran Malaysia/ Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang diperkenalkan sejak tahun 1991. Debat Alam Sekitar Antara IPT yang kelima belas ini disertai oleh 18 pasukan debat dari 17 Institusi Pengajian Tinggi Malaysia diadakan pada 23 – 27 Julai 2005. Tuan rumah pada kali ini ialah Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Inter-Varsity Environmental Debate

Since 1991, the Inter-Varsity Environmental Debate had been organised annually by DOE in collaboration with the Malaysian Universities Debate Council (MADUM), Dewan Bahasa dan Pustaka, and the Ministry of Education/ Ministry of Higher Education. The 15th Inter-Varsity Environmental Debate from 23 - 27 July 2005 saw participation from 18 teams from 17 Institutions of Higher Learning in Malaysia. The host institution was Universiti Teknologi Malaysia at Skudai, Johor.

Institusi Pengajian Tinggi yang Mengambil Bahagian
Participating Institutions of Higher Learning :-

- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Malaya (UM)
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Universiti Sains Malaysia (USM)
- Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
- Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (KUiTTHO)
- Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)
- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM)
- Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)
- Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM)
- Universiti Multimedia (MMU)

Pertandingan menggunakan kaedah sistem 'power match berkumpulan' (bracket power match) untuk pusingan awal bagi menentukan pasukan yang akan berlawan dan juga peranan mereka (kerajaan/ pembangkang). Setiap pasukan akan ditentukan kedudukan (ranking) mereka berdasarkan menang/ kalah, juri, margin (julat kemenangan) dan markah.

The bracket power match system was adopted in the preliminary rounds to determine whether a team is in the preposition or opposition side. The ranking of each team was based on several criteria such as "winner / loser", jury, margin and overall score.

Pertandingan Peringkat Awal melibatkan enam (6) pusingan. Lapan (8) pasukan terbaik berdasarkan kedudukan akan dipilih untuk ke peringkat suku akhir dan pasukan yang menang akan ke separuh akhir secara kalah mati. Dua (2) pasukan akan ke peringkat akhir.

All teams took part in the preliminary six (6) rounds. The eight (8) highest ranking teams were then selected to compete in the Quarter-Finals, out of which four (4) qualified for the Semi-finals and eventually two (2) teams entered the Finals.

Gambarfoto 5.1 JAS: Pertandingan Debat Alam Sekitar Kali ke-15 di UTM, Skudai, Johor
Photo 5.1 DOE: The 15th Inter-Varsity Environmental Debate at UTM, Skudai, Johor

PERINGKAT AWAL / *PRELIMINARY ROUNDS*
Pusingan Pertama / *First Round :*
Alam Sekitar Nombor Satu, Pembangunan Nombor Dua

Pusingan Kedua / *Second Round* **:**
Penggunaan Basikal Lebih Baik Daripada Motosikal

Pusingan Ketiga / *Third Round* **:**
Isu Alam Sekitar : Laporan Media Yang Tidak Seimbang

Pusingan Keempat / *Fourth Round* **:**
Demi Kelangsungan Hidup, Alam Sekitar Dipinggirkan

Pusingan Kelima / *Fifth Round* :
Protokol Kyoto : Mimpi Pada Siang Hari

Pusingan Keenam / *Sixth Round* :
Merah Sukar Menjadi Hijau, Tetapi Hijau Mudah Menjadi Merah

↓

PERINGKAT SUKU AKHIR / *QUATER-FINALS*
Kemusnahan Alam Sekitar : Suatu Darurat

UTM lwn/vs UM	UIAM lwn/vs UKM	USM lwn/vs UPSI	UiTM lwn/vs KUSTEM

PERINGKAT SEPARUH AKHIR / *SEMI FINALS*
Media Massa Pencetus Kesedaran Alam Sekitar

UPSI lwn/vs UiTM	UTM lwn/vs UIAM

PERINGKAT AKHIR / *FINALS*
Kemusnahan Alam Sekitar : Esok Masih Ada?

UPSI lwn/vs UIAM

Pertandingan Akhir Debat Alam Sekitar Antara Institusi Pengajian Tinggi 2005 diadakan di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia di antara Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). UPSI diwakili oleh Mohd Fairuz Mohd Alin, Mohd Hafiz Hamdan, Faizatul Azlinda Ahmad Fuad dan pendebat simpanan, Mohamad Mat Derus. UIAM pula diwakili Mohd Khairulnizam Bakeri, Mohd Daud Mat Din, Shamsul Qamar Abd. Rani dan pendebat simpanan, Adira Adnan.

The finals of the 2005 Inter-Varsity Environmental Debate held at the Sultan Iskandar Hall of Universiti Teknologi Malaysia was between Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) and Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). UPSI was represented by Mohd Fairuz Mohd Alin, Mohd Hafiz Hamdan, Faizatul Azlinda Ahmad Fuad and Mohamad Mat Derus as reserve. UIAM was represented by Mohd Khairulnizam Bakeri, Mohd Daud Mat Din, Shamsul Qamar Abd. Rani and Adira Adnan as reserve.

UIAM muncul sebagai johan pertandingan Debat Alam Sekitar 2005, menerima Piala Pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar serta wang tunai RM 8,000.00 dan sijil penyertaan. Manakala UPSI, sebagai naib johan menerima wang tunai RM 5,000.00 dan sijil penyertaan. Dua pasukan yang layak ke separuh akhir iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), masing-masing menerima wang tunai RM 1,000.00 dan juga sijil penyertaan. Pendebat UIAM, Mohamad Khairulnizam Bakeri muncul Pendebat Terbaik dan menerima Piala Ketua Pengarah Alam Sekitar, beserta wang tunai RM 1,500.00. Hadiah telah disampaikan oleh Y.B. Dato' Sri Haji Adenan Bin Haji Satem, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

The UIAM team emerged the overall winner of the 2005 Inter-Varsity Environmental Debate, receiving the Minister of Natural Resources and Environment Challenge Trophy, a cash prize of RM 8000.00, and certificates of participation. UPSI, as runners-up received a cash prize of RM 5000.00, and certificates of participation. The two teams which qualified for the semi-finals, namely UiTM and UTM each received a cash prize of RM 1000.00, and certificates of participation. Mohamad Khairulnizam Bakeri from UIAM was judged the Best Debater and received the Director-General of Environment Trophy, together with a cash prize of RM 1,500.00. The prizes were given out by Y.B. Dato' Sri Haji Adenan Bin Haji Satem, the Minister of Natural Resources and Environment.

Minggu Alam Sekitar Malaysia

Minggu Alam Sekitar Malaysia merupakan acara tahunan Jabatan Alam Sekitar yang disambut dengan objektif utama untuk menyemai dan meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia mengenai pemuliharaan alam sekitar di negara ini. Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 25-29 November 2005 bertempat di Bandar Kuantan, Pahang dan dilancarkan oleh Y.A.B Dato' Sri Adnan Bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang DarulMakmur. Y.B. Dato' S. Sothinathan, Timbalan Menteri Kementerian Sumber Asli dan AlamSekitar menyampaikan kata-kata aluan sebagai mewakili Y.B. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tema Minggu Alam Sekitar Malaysia 2005 ialah "Memperkasa Bandar Lestari".

Malaysia Environment Week

The annual Malaysia Environment Week is a premier event organized by the Department of Environment, primarily to inculcate and enhance environmental awareness among Malaysians. The 2005 Malaysia Environment Week celebration was held on 25-29 November 2005 at Kuantan, Pahang, Darul Makmur. The launching ceremony was officiated by the Chief Minister of the State of Pahang, Rt. Honourable Dato' Seri Haji Adnan Bin Haji Yaakob. The Honourable Dato' S. Sothinathan, the Deputy Minister of Natural Resources and Environment delivered the welcome address on behalf of the Honourable Minister of Natural Resources and Environment (NRE). "Promoting Sustainable Cities" was the theme chosen for the 2005 Malaysia Environment Week.

Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Ahli Exco Negeri yang terlibat dengan alam sekitar. Seramai 3,000 orang tetamu telah hadir di majlis pelancaran tersebut yang diadakan di Dewan Wawasan, yang terdiri daripada agensi kerajaan, pihak industri, pelajar–pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi dan orang awam.

Among other dignitaries present were the Secretary-General of NRE, the Pahang State Secretary and State Exco Members responsible for environment matters. A crowd of about 3000 people were present at the launching ceremony at the Dewan Wawasan, Kuantan, comprising representatives of government agencies, the industrial sector, schools and the public.

Antara aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan sepanjang minggu tersebut adalah seperti Pameran Alam Sekitar, Pertandingan Mewarna Alam Sekitar, Seminar dan Forum Alam Sekitar, Pertandingan Enviro-Hunt, Ujian Pelepasan Gas Enjin Petrol dan Lawatan di Sekitar Bandar Kuantan.

Among the highlights for the Week were Environmental Exhibitions, Environmental Painting Competitions, Environmental Forum and Seminars, Enviro-Hunt, Vehicular Emission Inspections and a conducted tour around Kuantan.

Anugerah Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar

Dengan sokongan dan kerjasama Jabatan Kerajaan Tempatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Anugerah Bandar Lestari. Anugerah yang diperkenalkan ini adalah bertujuan untuk mengiktiraf usaha dan sumbangan pihak Kerajaan Tempatan yang mengintegrasikan elemen kelestarian alam sekitar dalam perancangan, pentadbiran dan pelaksanaan program, projek dan aktiviti mereka. Komponen penilaian bagi anugerah ini adalah berdasarkan aspek yang berkaitan dengan persekitaran fizikal, inisiatif ekologi, perkhidmatan perbandaran, pentadbiran alam sekitar, pendidikan dan kesedaran alam sekitar.

Sustainable City - Environment Award

With the support and cooperation of the Department of Local Government, under the Ministry of Housing and Local Development and the Institute for Environment and Development (LESTARI), the DOE embarked on an initiative to give recognition to local authorities for incorporating the environmental dimension in planning, administration and implementation of programmes, projects and activities. Candidates for the Award will be assessed on their achievements in five components : physical environment, ecological initiatives, urban services, environmental governance as well as education and awareness. The award also takes into consideration overall commitment and efforts towards achieving environmental sustainability in development.

Anugerah ini dicipta bagi menggalakkan penyertaan secara sukarela. Pada tahun 2005, enam Pihak Berkuasa Tempatan telah menyertai Program ini iaitu :

- Majlis Bandaraya Johor Bahru,
- Majlis Bandaraya Kuching Selatan,
- Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah,
- Majlis Bandaraya Shah Alam,
- Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan
- Majlis Perbandaran Kuantan.

The award is designed to encourage participation on a voluntary basis. In 2005, six local authorities came forward to participate in the programme. They were :

- Johore Bahru City Council,
- South Kuching City Council,
- Malacca Historical City Council,
- Shah Alam City Council,
- Penang Municipal Council and
- Kuantan Municipal Council.

Prosedur Penilaian juga melibatkan Penilaian ke atas Borang Perolehan Maklumat, Penilaian Di Lapangan, Penilaian Fizikal Alam Sekitar dan Tinjauan Pendapat Awam. Kesemua penilaian tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya ke atas bandar yang telah mengambil bahagian pada tahun 2003/2004. Markah yang diperolehi akan dibentangkan ke Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Pemilihan Peringkat Menteri.

The evaluation process included a City Brief Assessment, a Field Assessment, Physical Parameters Assessment and a Public Opinion Survey. The scores were presented for the endorsement of the Steering Committee and the final decision was made by the Ministerial Select Committee.

Penganugerahan Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar yang pertama kepada Majlis Perbandaran Kuantan telah disempurnakan oleh Y.A B Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 7 Julai 2005.

The first such Sustainable City Award in Malaysia was presented to the Kuantan Municipal Council on 7 July 2005 by the Rt. Hon. Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, the Deputy Prime Minister of Malaysia.

Jemputan dari seluruh Malaysia telah menghadiri majlis penganugerahan ini yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan, organisasi berteraskan komuniti dan juga sektor swasta. Penerima Anugerah Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar ini telah membawa pulang sebuah Sijil Pengiktirafan yang ditandatangani oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan sebuah trofi khas Anugerah Bandar Lestari. Lima Pihak Berkuasa Tempatan lain yang mengambil bahagian dalam program ini juga telah menerima Anugerah Khas :

The Award Presentation Ceremony was attended by invited guests, representing government agencies, local authorities, non-governmental organisations, community-based organisations and the private sector. The winner received a Prestigious Certificate signed by the Rt. Hon. Deputy Prime Minister of Malaysia and a specially designed Trophy. Five other participating cities also received Special Mention Awards for specific environmental sustainable initiatives :

Gambarfoto 5.2 JAS: Bandar Lestari - Anugerah Alam Sekitar
Photo 5.2 DOE: Bandar Lestari - Environment Award

Majlis Bandaraya Johor Bahru - Inisiatif Ekologi (Hutan Bandar)
Johore Bahru City Council - Ecological Initiative (Urban Forest)

Majlis Bandaraya Kuching Selatan - Inisiatif Persekitaran Fizikal (Landskap)
South Kuching City Council - Physical Environment Initiative (Landscape)

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah – Inisiatif Perkhidmatan Perbandaran (Perkhidmatan Pengangkutan Berpusat)
Malacca Historical City Council - Urban Services Initiative (Centralised Transportation Service)

Majlis Perbandaran Pulau Pinang - Inisiatif Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar
Penang Municipal Council - Environmental Education and Awareness Initiative

Majlis Bandaraya Shah Alam - Inisiatif Persekitaran Fizikal (Perancangan Inovatif - Kualiti Kehidupan Seimbang)
Shah Alam City Council - Physical Environment Initiative (Innovative Planning-Balanced Quality Living)

Satu seminar telah diadakan pada 8 Julai 2005 untuk 148 wakil dari pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan, untuk enam penerima anugerah memberi pandangan dan berkongsi pengalaman dengan pihak-pihak berkuasa tempatan yang lain.

A follow-up seminar was held on 8 July 2005 for 148 participants from local authorities, and government agencies, to allow the six award recipients to share their views and experiences with other aspiring local authorities.

Gambarfoto 5.3 JAS: Majlis Pelancaran Minggu Alam Sekitar 2005 oleh Y.A.B Dato' Sri Adnan Bin Haji Yaakob

Photo 5.3 DOE: Launching of Malaysia Environment Week by Y.A.B Dato' Sri Adnan Bin Haji Yaakob

Gambarfoto 5.4 JAS: Penerima Anugerah Langkawi Tahun 2005; Y.Bhg. Dato' Dr. Hashim bin Abdul Wahab
Photo 5.4 DOE: Anugerah Langkawi Recipient for 2005; Y.Bhg. Dato' Dr. Hashim bin Abdul Wahab

Anugerah Langkawi 2005

Bagi tahun 2005, Anugerah Langkawi tahun 2005 telah diberikan kepada Y. Bhg. Dato' Dr. Hashim bin Abdul Wahab. Seorang ahli aktif Persatuan Pencinta Alam (MNS) sejak tahun 1984 dan kini dilantik sebagai Naib Presiden. Pemilihan beliau adalah berdasarkan usaha dan penglibatannya yang aktif dalam pendidikan dan kesedaran alam sekitar dan aktiviti-aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

Y. Bhg. Dato' Dr. Hashim merupakan penerima Anugerah ini yang ke 14 telah menerima sejumlah wang RM10, 000.00, sebuah plak penghargaan dan sijil pengiktirafan yang ditandatangani oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Langkawi Award 2005

The 2005 Langkawi Award was presented to Y. Bhg. Dato' Dr. Hashim bin Abdul Wahab, an active member of the Malaysian Nature Society (MNS) since 1984 and currently the Vice President of MNS. His selection was based on his tireless efforts in promoting environmental education and awareness, scientific and environmental conservation activities and expeditions.

Y. Bhg. Dato' Dr. Hashim is the 14th Malaysian to receive the prestigious Langkawi Award which included a cash award of RM 10, 000.00, a plaque and a prestigious Certificate signed by D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XII Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Pemenang-Pemenang Anugerah Langkawi
Langkawi Award Recipients

1991
Y.Bhg. Dato' Dr. Salleh Mohd Nor
Presiden, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)
President of Malaysian Nature Society (MNS)

1992
Y.Bhg. Tan Sri Razali Ismail
Bekas Wakil Negara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
Former Malaysia's Representative to the United Nations

1993
Ir. Gurmit Singh K.S
Pengarah Eksekutif, Pusat Alam Sekitar, Teknologi dan Pembangunan, Malaysia (CETDEM)
Chief Executive Officer, Center for Environment, Technology and Development Malaysia (CETDEM)

1994
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Sham Sani
Bekas Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Former Vice Chancellor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

1995
Y.Bhg. Tan Sri Khir Johari
Presiden, World Wide Fund for Nature, Malaysia (WWF, Malaysia)
President, World Wide Fund for Nature, Malaysia (WWF, Malaysia)

1996
Tiada pemenang
No recipient

1997
Ir. K. Kumarasivam (Mendiang)
Bekas Timbalan Pengerusi, KTA Tenaga Sdn. Bhd.
Former Deputy Chairman, KTA Tenaga Sdn. Bhd.

1998
Y.Bhg.Prof.Dato' Dr Zakri A. Hamid
Bekas Timbalan Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Former Deputy Vice Chancellor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

1999
Y.M. Tengku Datuk Dr. Zainal Adlin B. Tengku Mahamud
Pemegang Amanah, WWF Malaysia.
Trustee, WWF Malaysia.

2000
Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Awang
Bekas Timbalan Naib Canselor (Akademik), Universiti Pertanian Malaysia (UPM)
Former Deputy Vice Chancellor (Academic), Universiti Pertanian Malaysia (UPM)

2001
Y.Bhg. Datuk Amar James Wong Kim Min
Bekas Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak
Former Minister of Environment and Public Health Sarawak.

2002
Y.Bhg. Tan Sri Dato' Lee Lam Thye
Ahli Lembaga Penasihat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
Advisor Board Member, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)

2003
Y.Bhg. Puan Khatijah Abdul Rahman
Pengarah Eksekutif, Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA)
Chief Executive Officer, Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA)

2004
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Latiff Mohamad
Profesor, Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Professor, School Of Enviromental and National Resource Science, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

2005
Y.Bhg. Dato' Dr. Hashim B. Abdul Wahab
Naib Presiden, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS)
Vice President, Malaysian Nature Society (MNS)

Persidangan Wanita & Alam Sekitar

Program Persidangan Wanita dan Alam Sekitar yang bertemakan "Wanita Pemangkin Kecemerlangan Alam Sekitar" telah diadakan pada 23 Ogos 2005, di Bangunan Puspanitapuri, Putrajaya dan dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato Hajjah Jamilah Haji Anu, isteri kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Persidangan ini dihadiri oleh 500 orang peserta wanita yang terdiri dari suri rumah, sektor kerajaan, organisasi wanita bukan kerajaan, persatuan wanita dan sektor swasta. Persidangan ini diadakan lanjutan dari Program Persidangan Wanita & Alam Sekitar pada 2003 berikutan dari sambutan dan permintaan yang menggalakkan untuk penganjuran serupa ini.

Antara objektif persidangan ini adalah :

- Meningkatkan peranan dan penglibatan wanita ke arah kecemerlangan alam sekitar.
- Menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar dalam institusi kekeluargaan dalam komuniti.
- Mengukuhkan peranan wanita dalam membuat keputusan, pengurusan dan pembangunan alam sekitar.

Empat penceramah terkemuka telah dijemput untuk sessi pembentangan bagi persidangan kali ini iaitu :

- Y. Bhg. Ir. Gurmit Singh, Pengarah Eksekutif Center for Environment, Technology and Development Malaysia, bertajuk "Sustainable Lifestyle – Will Malaysian Women Lead?".
- Y. Bhg. Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir Pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, bertajuk." Pengalaman menjejak kaki ke Benua Antartika".
- Y. Bhg. Datin Zam Zainal Abidin, Pakar cosmetologi dan perunding kecantikan dan kesihatan. bertajuk "Pencemaran Mendatangkan Penyakit dan Mempercepatkan Penuaan".
- Encik Kamal Affandi Hashim, Penganalisa Jenayah, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, bertajuk "Cabaran Fizikal dan Mental Alam Sekitar".

Women & Environment Conference

The "Women - Catalyst for Environmental Excellence" Conference was held on 23 August 2005 at Puspanitapuri, Putrajaya. It was officiated by Y. Bhg. Dato Hajjah Jamilah Haji Anu, the wife of the Minister of Natural Resources and Environment (NRE). About 500 women participants attended this conference comprising of housewives/homemakers, government officials, representatives of Non-Governmental Women Organisations and the private sector. This second conference was organized as a follow-up to the first Conference in 2003 in response to the overwhelming support and request for another such gathering.

The conference objectives were :

- To enhance the role and involvement of women towards environmental excellence.
- To inculcate environmental values in the family institution.
- To enhance the role of women in decision making, management and development of environment.

Four distinguished speakers presented papers at the conference :

- Y. Bhg. Ir. Gurmit Singh, Executive Director, Center for Environment, Technology and Development Malaysia, on "Sustainable Lifestyle – Will Malaysian Women Lead?".
- Y. Bhg. Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, Lecturer, Sports Science and Recreation Faculty, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, on " Experiences at the Antartica Continent".
- Y. Bhg. Datin Zam Zainal Abidin, Cosmetology, Beauty and Health on " Pollution Can Cause Disease and Expedite Ageing".
- Encik Kamal Affandi Hashim, Crime Analyst, Crime Preventation Foundation on "Mental and Physical Environmental Challenges".

Sebaran Maklumat Alam Sekitar
Environmental Information Dissemination

Sebaran Maklumat / Perhubungan Awam

Beberapa program/aktiviti untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran alam sekitar kepada semua golongan telah giat dijalankan. Program-program sepanjang tahun 2005 termasuk Pameran Awam, Lawatan Pelawat ke Jabatan Alam Sekitar (JAS), Program Bersama RTM dan Kuiz Alam Sekitar di Radio.

Information Dissemination / Public Relations

Various environmental awareness activities for the public were organised in 2005. Among them were environment exhibitions, radio and television documentaries, radio environmental quizzes, seminars, forums and organising public visits to DOE offices.

Pameran Awam

Pada tahun 2005, JAS telah menyertai sebanyak 15 pameran bertemakan alam sekitar yang melibatkan pelbagai kumpulan pengunjung termasuk pelajar sekolah, ahli akademik, sektor perindustrian, kakitangan kerajaan dan orang awam.

Exhibition

In 2005, DOE took part in 15 exhibitions for various target groups such as schools, Institutions of Higher Learning, the industrial sector, government agencies and general public.

- Pameran Sempena Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar 1/2005, 26 Februari 2005.
- Exhibition during 'Client Day' of Ministry of Natural Resource and Environment, 26 February 2005.
- Pameran Sempena Sambutan Hari Air Sedunia di Kota Bharu, Kelantan, 17 - 19 Mac 2005.
- Exhibition on 'World Water Day' in Kelantan, 17 - 19 March 2005.
- Pameran Sempena Hari Bersama Pelanggan Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar 2/2005, 9 Mac 2005.
- Exhibition during 'Client Day' of Ministry of Natural Resource and Environment, 9 March 2005.
- Pameran Sempena Minggu Bahasa & Alam Sekitar di Sek. Men. Keb. Bukit Kajang, Kajang, 26 – 27 April 2005.
- Exhibition in conjunction with 'Language and Environment Week Exhibition at Sek. Men Bukit Kajang, Kajang, 26 - 27 April 2005.
- Pameran Sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia di Petrosains KLCC, Kuala Lumpur, 26 Mei 2005.
- World Environment Day Exhibition at Petrosains KLCC, Kuala Lumpur, 25 May 2005.
- Pameran Taman Sains SMK Victoria Kuala Lumpur, 14 Jun 2005.
- SMK Victoria Kuala Lumpur Science Garden Exhibition, 14 June 2005.
- Pameran Hari Anugerah Khidmat Cemerlang & Pelancaran Logo Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar di Hotel Nikko, Kuala Lumpur, 13 – 14 Julai 2005.
- Excellence Award Presentation and Launching of Ministry of Natural Resource and Environment Logo at Hotel Nikko, Kuala Lumpur, 13 - 14 July 2005.
- Pameran sempena Hari Keselamatan Syarikat 2005 di Sigma Sdn. Bhd, 30 Ogos 2005.
- Company Safety Day 2005 at Sigma Sdn. Bhd, 30 August 2005.

- Pameran Sempena Kempen Kesedaran Perlindungan Ozon & Kawalan Pencemaran Kenderaan Bermotor di Karnival TV3 Sure Heboh - Bukit Jalil, Kuala Lumpur, 2 – 4 September 2005.
- Pameran Sempena Minggu Geografi & Alam Sekitar di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 21 - 24 September 2005.
- Pameran Sempena Minggu Alam Sekitar di Syarikat Perodua Rawang, Selangor, 11 - 12 Oktober 2005.
- Pameran Sempena Program Persidangan Wanita & Alam Sekitar di Puspanitapuri, Putrajaya, 23 Oktober 2005.
- Pameran Sempena Sambutan Hari Bersama Pelanggan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Peringkat Negeri Selangor - Kuala Kubu Bahru, 18 – 21 Oktober 2005.
- Pameran Sempena Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Kebangsaan 2005 di Kuantan, Pahang, 27 – 28 November 2005.
- Pameran Sempena Kempen Keselamatan, Kesihatan & Alam Sekitar NEC. Semiconductors, Telok Panglima Garang Kuala Langat, Selangor, 15 - 30 Disember 2005.

Lawatan Pelawat Ke Ibupejabat, Jabatan Alam Sekitar Malaysia, Putrajaya

Sepanjang tahun 2005, Ibupejabat JAS Putrajaya telah menerima sebanyak 433 orang pelawat daripada pelbagai kumpulan termasuk pelajar & pensyarah institusi pengajian tinggi, jabatan-jabatan kerajaan, guru & pelajar sekolah, ahli politik & sektor swasta. Pelbagai program telah diaturkan sepanjang lawatan tersebut bagi meningkatkan sebaran maklumat alam sekitar & promosi kesedaran alam sekitar kepada pelawat-pelawat. Para pelawat adalah terdiri daripada :

- Lawatan 41 orang pelajar tahun akhir Kursus (Perundangan Lanskap) Bacelor Senibina Landskap, Universiti Putra Malaysia (UPM), 5 Januari 2005.

- Ozone and Vehicle Pollution Control Exhibition at Karnival SureHeboh, Bukit Jalil, Kuala Lumpur, 2 - 4 September 2005.
- Geography and Environment Week at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 21 - 24 September 2005.
- Environment Week Exhibition at Perodua, Rawang, Selangor on 11 - 12 October 2005.
- Women and Environment Conference at Puspanitapuri, Putrajaya, 23 October 2005.
- Ministry of Domestic Trade Client Day, Selangor State, Kuala Kubu Baru, 18 - 21 October 2005.
- Malaysia Environment Week, 2005 at Kuantan, Pahang, 27 - 28 November 2005.
- Safety, Health and Environment Day at NEC Semiconductor, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor, 15 - 30 September 2005.

Visits to DOE Head Office

The Department of Environment Head Office received a total of 433 official visitors throughout 2005. Briefings and presentations were conducted to inform visitors of DOE's role in environmental management as well as to inculcate greater public support and cooperation in environmental management. The visitors comprised of :

- 41 students from Faculty of Landscape and Architecture, Universiti Putra Malaysia (UPM), 5 January 2005.

- Lawatan 11 orang Danish Enviromental Journalists, 24 Januari 2005.
- Lawatan 36 orang pelajar Diploma Kimia Perindustrian, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Arau, Perlis, 14 Januari 2005.
- Lawatan 27 orang pelajar Kursus Sains Bioperubatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, (UIA) 25 Januari 2005.
- Lawatan 40 orang pelajar Fakulti Bioteknologi dan Sains Hayat, Universiti Selangor,(UNISEL) 12 Februari 2005.
- Lawatan Rasmi Y.B Dr. Abang Abdul Rauf Bin Haji Zen, Menteri Muda Alam Sekitar Sarawak dan delegasi, 4 Mac 2005.
- Lawatan kerjasama tiga orang pegawai Unit Kesihatan Alam Sekitar, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia, 21 Mac 2005.
- Lawatan 14 orang pelajar Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 9 Mac 2005.
- Lawatan 24 orang pelajar Jabatan Geografi, Universiti Malaya (UM), 22 Mac 2005.
- Lawatan 28 orang peserta kursus Pegawai Pemerintah Muda, Kolej Tentera Laut Diraja Malaysia (KPMM), Lumut, 14 April 2005.
- Lawatan 54 orang pelajar Bacelor Sains Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, 21 April 2005.
- Lawatan 30 orang pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Maktab Perguruan Islam (MPI), Bangi, 19 Mei 2005.
- Lawatan 30 orang ahli dari Bioinformatics Club ISB, Universiti Malaya (UM), 2 September 2005.
- Lawatan 28 orang pelajar Tahap 2 Rancangan Pengajian Alam Sekitar, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM), 16 September 2005.

- 11 Environmental Journalists from Denmark, 24 January 2005.
- 36 students from Universiti Teknologi MARA (UiTM), Arau Campus, Perlis, 14 January 2005.
- 27 students from Universiti Islam Antarabangsa (UIA), 25 January 2005.
- 40 students from Universiti Selangor (UNISEL), 12 February 2005.
- Y.B. Dr. Abang Abdul Rauf b. Haji Zen, Menteri Muda Sarawak and delegation.
- 3 officials from the Environment Health Unit, Department of Disease Control, Ministry of Health, 21 March 2005.
- 14 students from the Faculty of Medicine, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 9 March 2005.
- 24 students from the Geography Department, Universiti Malaya (UM), 22 March 2005.
- 28 Officers from the Royal Naval College (KPMM), Lumut, 14 April 2005.
- 54 students from Faculty of Medicine and Health Science, Universiti Putra Malaysia (UPM), 21 April 2005.
- 30 students of Maktab Perguruan Islam (MPI), Bangi, 19 May 2005.
- 30 members from Biometric Club ISB, Universiti Malaya (UM), 2 September 2005.
- 28 students of Faculty of Social Science and Literature, Universiti Malaya (UM), 16 September 2005.

- Lawatan 15 orang dari Asian Institute of Technology (Bangkok), 12 September 2005.
- Lawatan 14 orang Pelajar Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang, 4 Oktober 2005.
- Lawatan 34 orang pelajar Bacelor Sains Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), 14 Oktober 2005.

Program Bersama Radio dan Televisyen Malaysia (RTM)

Melalui Program Bersama RTM, JAS telah diberi beberapa slot penggambaran untuk dimuatkan di dalam rancangan-rancangan seperti Dokumentari, Warta Perdana, Selamat Pagi Malaysia (SPM), dan Rancangan Panorama.

Sebanyak tiga penggambaran telah dijalankan bersama pihak RTM untuk disiarkan di dalam Rancangan Panorama pada jam 10.00 malam setiap Jumaat melalui saluran TV1, RTM. Pada tahun 2005, JAS telah mengambil bahagian untuk sesi temubual dalam Rancangan Selamat Pagi Malaysia.

- Dokumentari “Latihan Oil Combat Malacca Straits”.
- Dokumentari “Pengawasan Kualiti Udara”.
- Dokumentari “Pengawasan Kualiti Sungai di Johor Bahru”.

- 15 students from Asian Institute of Technology (Bangkok), 12 September 2005.
- 14 students from Tengku Ampuan Afzan Teachers College Kuala Lipis, Pahang, 4 October 2005.
- 34 students from the Faculty of Medicine and Health Science, Universiti Putra Malaysia (UPM), 14 October 2005.

Collaborative Program With Radio And Television Malaysia (RTM)

In collaboration with RTM, environmental programmes were aired on TV programme such as Dokumentari, Warta Perdana, Selamat Pagi Malaysia (SPM) and Panorama.

Three documentary series were filmed for telecast on TV1 Panorama at 10.00 pm every Friday. In 2005, DOE also participated in the Selamat Pagi Malaysia Programme.

- Documentary “Oil Combat Training Malacca Straits”.
- Documentary “Air Quality Monitoring”.
- Documentary “Water Quality Monotoring in Johor Bahru”.

Gambarfoto 5.5 JAS: Taklimat kepada Mahasiswa yang melawat JAS
Photo 5.5 DOE: Briefing to Undergraduates visiting DOE

Kuiz Kesedaran Alam Sekitar Di Radio

JAS dengan beberapa kerjasama Radio Muzik telah menganjurkan Kuiz Kesedaran Alam Sekitar. serta bersempena dengan Majlis Perlancaran Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM).

Maklumat Alam Sekitar

Pada tahun 2005, JAS telah menerbitkan sejumlah 594,000 naskah bahan-bahan bacaan alam sekitar yang terdiri daripada Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2004, Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar 2004, majalah IMPAK , risalah-risalah, buku-buku dan kalendar-kalendar meja bermesejkan alam sekitar.

Bahan-bahan bercetak tersebut diedarkan kepada pelbagai agensi kerajaan, perpustakaan-perpustakaan, pusat rujukan, institusi pendidikan, persatuan bukan kerajaan dan orang individu (Rajah 5.1).

Sempena dengan pameran Alam Sekitar dari Perspektif kartunis pada 1 Jun – 31 Julai 2004, satu kompilasi yang terdiri dari 40 lukisan kartun yang terpilih telah diterbitkan. Sejumlah 10,000 naskhah telah dicetak dan diedarkan kepada sekolah-sekolah di Malaysia.

Pada tahun 2005, Jabatan Alam Sekitar telah mewujudkan koleksi gambarfotonya sendiri melalui penubuhan bank imej. Sehingga hujung tahun 2005, sebanyak 2015 gambar telah diambil dan disimpan dalam bank imej ini mengikut pelbagai kategori dan tema yang telah dikenalpasti.

Perkhidmatan Perpustakaan-Enviro

Perpustakaan-Enviro yang terletak di Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar berfungsi sebagai pusat rujukan bukan sahaja kepada kakitangan jabatan tetapi juga kepada orang awam. Sehingga 31 Disember 2005, koleksi bahan rujukan adalah sebanyak 33,000 buah. Bilangan pengunjung ke perpustakaan telah meningkat kepada 1,086 orang dibandingkan dengan 929 orang pada tahun sebelumnya. Tujuh puluh peratus (70%) daripada pengguna perpustakaan pada tahun 2005 merupakan pelajar (Rajah 5.2 & 5.3).

Radio Environmental Quiz

A series of Environmental Quizzer were organized by DOE in collaboration with RTM Radio Muzik and also in conjuction with Malaysia Environment Week 2005.

Environmental Information

In 2005, DOE published more than 594,000 copies of environmental reading materials consisting of the Environmental Quality Report 2004, the 2004 DOE Annual Report, IMPAK magazines, brochures, books and calendars with environmental messages.

These printed materials were distributed to various government agencies, libraries, reference centres, educational institutions, non-governmental organizations and individuals (Figure 5.1).

In conjunction with the Exhibition on Environmental Drawings from Malaysian Cartoonists' Perspective on 1 June – 31 July 2004, a selection of 40 cartoon drawings was compiled and published. A total of 10,000 copies were printed and distributed to all schools in Malaysia.

In 2005, DOE initiated its environmental photography collections through the setting up of its image bank. To date, a total of 2015 images under various categories and themes had been captured and stored in the image bank.

Enviro-Library Services

The Enviro-Library located at the DOE Head Office served as an important reference centre not only for DOE staff but also for the public who are registered users. As of 31 December 2005, the entire collection of reference materials totaled 33,000. The number of library users increased to 1,086 compared to 929 in 2004, of which 70% of library users in 2005 were students (Figure 5.2 & 5.3).



Rajah 5.1 JAS: Kategori Penerima Terbitan-Terbitan Alam Sekitar, 2000-2005

Figure 5.1 DOE: Category of Recipients of Environmental Information, 2000-2005



Rajah 5.2 JAS: Bilangan Pengunjung Perpustakaan, 2005

Figure 5.2 DOE: Number of Library Users, 2005



Rajah 5.3 JAS: Kategori Pengguna-pengguna Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar, 2005
Figure 5.3 DOE: Category of Library Users, 2005

Gambarfoto 5.5 JAS: Koleksi Bahan Terbitan JAS
Photo 5.5 DOE: Collection of DOE Publications

Bab 6

Jabatan Alam Sekitar Department of Environment

Laporan Tahunan 2005 Annual Report

Chapter 6

Hal-Ehwal Alam Sekitar Antarabangsa / International Environmental Affairs

Kerjasama Serantau

Mesyuarat Bersama Keenambelas Kumpulan Kerja ASEAN mengenai 'Sub-Regional Fire-fighting Arrangements (SRFAs) untuk Sumatra dan Borneo

Mesyuarat Bersama Keenambelas Kumpulan Kerja ASEAN mengenai 'Sub-Regional Fire-fighting Arrangements (SRFAs) untuk Sumatra dan Borneo telah diadakan di Singapura pada 17 Mac 2005. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh kesemua anggota Negara SRFAs yang terdiri daripada Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura serta wakil dari JICA-Forest Fire Prevention Management Project 2, Global Environment Centre, Wetlands International Indonesia Programme dan juga Sekretariat ASEAN.

Di antara isu yang telah dikemukakan dan dibincangkan adalah:

- laporan peristiwa kebakaran dan jerebu serta ramalan keadaan meteorologi oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)
- langkah pencegahan serta persediaan menghadapi musim kering oleh setiap negara anggota SRFAs
- laporan kemajuan berkenaan ASEAN Cooperative Projects on Transboundary Haze Pollution oleh Sekretariat ASEAN
- program bantuan antarabangsa.

Regional Cooperation

